

24/12/2000

Saingan LTdL penuhi impian

Zairee Zahir

DENGAN status perlumbaan tertinggi 2.3, Le Tour de Langkawi 2001 (LTdL) memenuhi impiannya untuk menurunkan lima pasukan profesional bahagian satu dunia pada saingan edisi keenam, 4-18 Februari depan.

Buat pertama kali juga, hampir 175 pelumba - sebahagian besarnya bertaraf profesional - akan memenuhi garisan permulaan di jelajah terulung Asia itu, berbanding kira-kira 150 pada lima edisi sebelum ini.

Pengerusi Eksekutif First Cartel, Datuk Wan Lokman Wan Ibrahim, berkata perkembangan LTdL yang bermula dengan status 2.6 pada 1996, membuktikan jelajah itu semakin diterima sebagai salah satu perlumbaan terbaik dunia.

Malah LTdL yang pada awalnya bermotif pelancongan sukan untuk memperkenalkan nama Pulau Langkawi dan Malaysia, semakin sinomin dalam kalendar perlumbaan Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI).

"Edisi keenam pasti antara yang terbaik dapat kita saksikan kerana ada lima pasukan bahagian satu mengikut ranking 2001 UCI dan 12 pasukan bahagian dua, dengan setiap pasukan menurunkan tujuh pelumba.

"Buat pertama kali juga, peminat akan dapat melihat pasukan Colchone Relax-Fuenlabrada dari Sepanyol - negara yang diakui mempunyai tradisi lumba basikal berpengaruh dunia.

"Tidak syak, LTdL 2001 adalah yang terbaik, terbesar, terhebat dan paling berwarna-warni setakat ini, menepati kehendak penaung Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu melihat peningkatan di jelajah ini setiap tahun," katanya, semalam.

Ranking UCI 2001 yang dikeluarkan semalam meletakkan Mapei-QuickStep, Saeco-Macchine per Cafe (dulu Saeco-Valli & Valli), CSC-World Online (Memory Card-Jack & Jones), Mercury-Viatel (Manheim Auctions-Mercury) dan Credit Agricole di dalam kelompok 16 pasukan bahagian satu dunia.

Pasukan bahagian dua pula ialah Ag2R-Prevoyance, Collstrop-Palman, Mobilvetta Design, Ceramica Panaria-Fiordo, Cantina Tollo, Bonjour, Gerolsteiner, Saturn, Selle Italia-Pacific dan Linda McCartney-Jacob Creeks, Phonak dan Fuenlabrada.

Baki lapan pasukan ialah tujuh pasukan kebangsaan - Malaysia, Indonesia, Filipina, China, Jepun, Kanada, Afrika Selatan; serta satu pasukan campuran Telekom-Malaysia All Stars.

Wan Lokman berkata, berbanding saingan sebelum ini, LTdL hanya mampu membariskan satu atau dua pasukan bahagian satu pada setiap kali saingan, beberapa pasukan bahagian dua dan selebihnya kepada pasukan kebangsaan, sesuai dengan status 2.4.

"Kita juga bakal menyaksikan pelumba seperti Paolo Bettini dari Mapei yang menduduki tangga ke-10 dunia - terbaik setakat ini kerana hanya pelumba di kelompok 50 dunia yang datang pada edisi lalu," katanya.

Sementara itu, Wan Lokman berkata, kehadiran Fuenlabrada yang mempunyai kaitan dengan penganjur Vuelta a Espana - jelajah ketiga terbesar dunia - diharap dapat menarik lebih banyak pasukan Sepanyol di masa akan datang.

Menurutnya, pasukan tangga ke-42 dunia itu mempunyai kaitan rapat dengan penganjur Vuelta sendiri, Augusto Constanada.

"First Cartel berharap kehadiran Fuenlabrada akan membuka ruang kehadiran lebih banyak pasukan hebat Sepanyol seperti Banesto, Kelme dan ONCE di masa depan," katanya.

(END)